

23 AUG 1996

Tambak

CADANGAN ROBOH TAMBAK JOHOR DI PERINGKAT KAJIAN

JOHOR BA HARU, 23 Ogos (Bernama) -- Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu berkata cadangan merobohkan Tambak Johor untuk digantikan dengan jambatan masih lagi di peringkat kajian oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU) Jabatan Perdana Menteri.

Beliau berkata kerajaan pusat belum membuat apa-apa ketetapan mengenai pelaksanaan projek itu.

Kerajaan juga belum mengadakan rundingan dengan kerajaan Singapura berhubung dengan cadangan pembinaan jambatan bagi menggantikan tambak yang ada itu, katanya kepada pemberita selepas menghadiri sambutan perayaan jubli emas MIC di sini.

Samy Vellu berkata kementerianya menyokong penuh cadangan untuk merobohkan tambak itu dan menggantikannya dengan jambatan kerana ia dapat memperbaiki sistem pengaliran air di Selat Tebrau.

Julai lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad ketika melancarkan "JB Waterfront City" di sini berkata kerajaan bercadang membina jambatan bagi menggantikan Tambak Johor jika mendapat persetujuan Singapura.

Dr Mahathir berkata ini kerana tambak yang sedia ada tidak lagi sesuai untuk menampung jumlah lalulintas dan pada masa yang sama menyekat pengaliran air di selat berkenaan.

Tambak Johor, laluan pertama yang menghubungkan Malaysia dengan Singapura, dibuka secara rasmi pada 1924.

Pada masa ini, kira-kira 100,000 orang menggunakan Tambak Johor setiap hari.

-- BERNAMA

MKO NMO